

KEWAJARAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDAMAI

Oleh : Puan Nur Saufi Solihin Binti Hassan

Pendahuluan

Mutakhir ini semakin banyak kes-kes permohonan cerai difailkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tidak kiralah melalui perceraian Ta'liq, Fasakh, Khulu' dan sebagainya. Walaupun setiap pasangan sememangnya mengharapkan rahmah dan mawaddah di dalam rumah tangga yang dibina berpanjangan, namun kepincangan dan pergolakan yang timbul seringkali membawa pasangan bertekad untuk bercerai. Terkadang berlaku di mana sebelah pihak tidak kira isteri mahupun suami membuat keputusan untuk bercerai, namun sebelah pihak lagi tidak bersetuju dengan sebab-sebab yang tertentu, maka Mahkamah Syariah berperanan mengarahkan agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Pendamaian bagi mendapat kata sepakat diantara pasangan tersebut. Jawatankuasa ini ditubuhkan sebagai alternatif agar wujud perdamaian diantara pasangan tanpa campur tangan orang luar. Segalanya ada terkandung di dalam Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003) dan kita akan lihat sejauh mana kewajaran jawatankuasa ini dilaksanakan.

JAWATANKUASA PENDAMAI

Takrif

Jawatankuasa pendamai merupakan satu jawatankuasa yang diarahkan dibentuk oleh pihak Mahkamah Syariah bagi membantu pasangan suami isteri yang salah satu dari pada mereka tidak bersetuju untuk bercerai walaupun sebelah pihak lagi bertekad untuk bercerai dan telah memfailkan perceraianya di mahkamah melalui seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003). Keanggotaan di dalam jawatankuasa ini adalah terdiri dari seorang Pengerusi yang mana merupakan seorang Pegawai Agama, bersama dua orang lain bertindak sebagai wakil bagi pasangan berkenaan yang merupakan saudara karib yang tahu akan hal rumahtangga pasangan tersebut. Walaubagaimanapun pihak peguam tidak dibenarkan hadir sepanjang proses ini dijalankan melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa yang dilantik.

Perlaksanaan di Mahkamah Syariah di Malaysia

Secara keseluruhannya Mahkamah Syariah di Malaysia sepenuhnya menggunakan seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri berkenaan sebagai garis panduan dalam melaksanakan proses tersebut. Ini kerana belum ada lagi mana-mana kaedah yang khusus dibuat berkenaan dengannya. Walaubagaimanapun, di dalam peruntukkan tersebut telah jelas dan masih relevan untuk diamalkan.

Pada peringkat awal kes cerai difailkan pada biasanya memang ada berlaku sebelah pihak tidak bersetuju untuk bercerai. Maka hakim bicara pada ketika itu akan memerintahkan pihak-pihak untuk menjalankan satu proses Jawatankuasa Pendamai. Pihak yang diarahkan menjadi jawatankuasa tersebut perlu menjalankan proses tersebut dalam tempoh 6 bulan atau kurang. Pengerusi bagi Jawatankuasa Pendamai tersebut perlu melantik 2 orang lain bagi mewakili pihak-pihak yang mana mereka adalah dikalangan saudara karib yang tahu akan hal rumahtangga pihak-pihak. Setelah selesai menjalankan perdamaian tersebut, satu laporan perlu dikeluarkan oleh Pengerusi kepada pihak Mahkamah bagi mengetahui apakah hasil dari proses jawatankuasa perdamaian tersebut.

Jika pihak-pihak berjaya didamaikan, mahkamah akan memerintahkan agar kes perceraian tersebut ditutup. Manakala jika tidak berjaya didamaikan, maka Mahkamah akan menasihati pihak suami untuk melafazkan satu talaq pada isteri di hadapan Mahkamah. Walaubagaimanapun, jika suami enggan berbuat demikian, kes tersebut akan dirujuk ke Hakam seksyen 48 Enakman yang sama.

Kewajaran Perlaksanaan

Bahawa masih banyak mahkamah yang tidak mengguna pakai kaedah ini bagi menyelesaikan syiqaq yang wujud di dalam rumahtangga pihak-pihak. Ini kerana sesetengah tempat memikirkan bahawa telah wujud sesi kaunseling di Jabatan Agama Islam yang ia mirip-mirip pada proses ini. Walaupun ia dilihat serupa namun impak yang dibawa dari Jawatankuasa Pendamai ini amat besar bilamana wakil-wakil dari kalangan keluarga dilibatkan bagi membantu perbincangan. Tambahan pula wujud jangka masa panjang iaitu 6 bulan tempoh untuk pihak-pihak membuat keputusan. Penulis juga melihat perlaksanaannya relevan bilamana pihak-pihak jika memperolehi persetujuan untuk bercerai, mereka boleh merekodkan sebarang syarat-syarat atau terma seperti berkenaan nafkah eddah, mutaah, hak jagaan anak dan sebagainya kepada Mahkamah dan akan diterjemahkan ke dalam perintah asal. Hal ini akan menjimatkan lagi masa dan kos pihak-pihak dan berjaya memperolehi persetujuan secara damai. Firman Allah s.w.t :

(Al-Hujrat : 9)

Maksudnya : *"Apabila berlaku pertelingkahan dan pergaduhan antara dua golongan yang beriman, maka hendaklah kamu damaikan antara mereka."*

Walaupun secara hakikatnya perlaksanaan Jawatankuasa Pendamai tidak dipraktikkan keseluruhannya oleh Mahkamah Syariah seluruh Malaysia namun ia masih wajar dan relevan dilaksanakan demi memberi ruang kepada pihak-pihak untuk menyelesaikan syiqaq yang wujud secara damai.